



**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY**

HEBAHAN AWAM

3372 ORANG PENERIMA BANTUAN PERMAI DIGESA SEGERA KEMASKINI MAKLUMAT AKAUN SEBELUM 25 JUN 2021

1. Pihak APAD ingin menarik perhatian dan tindakan segera semua pihak khususnya para pemandu pengangkutan awam yang masih belum menerima Bantuan PERMAI untuk segera mengemaskini maklumat akaun sebelum 25 Jun 2021 bagi fasa pembayaran akhir Bantuan PERMAI.
2. Untuk makluman, pembayaran bagi Pakej PERMAI yang telah dilaksanakan sejak bulan Februari 2021 akan ditutup pada 30 Jun 2021 bagi memberi laluan kepada perancangan dan perlaksanaan Bantuan PEMERKASA+ yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mei 2021 untuk dilaksanakan bermula Julai 2021.
3. Berdasarkan rekod, sehingga 15 Jun 2021 pihak APAD telah membuat pembayaran bantuan PERMAI kepada 99,890 pemandu yang layak. Walaubagaimanapun masih terdapat 2,966 pemandu teksi dan kereta sewa yang tidak dapat dibayar kerana tidak mengemaskini maklumat akaun bank kepada APAD. Manakala terdapat 406 pemandu yang terdiri dari pemandu teksi, bas sekolah dan bas persiaran pula yang tidak dapat dibayar kerana memberi maklumat diri atau akaun yang tidak tepat.
4. Pada perkembangan sama, kesemua pemandu yang mempunyai rekod telefon bimbit telah dimaklumkan oleh APAD melalui *sms blast* untuk

mengemaskini maklumat akaun masing-masing melalui email berikut sebelum 25 Jun 2021:

- Pemandu bas sekolah : permai.bassekolah@apad.gov.my
 - Pemandu bas persiaran: permai.baspersiaran@apad.gov.my
 - Pemandu teksi & kereta sewa: permai.teksi@apad.gov.my
5. Kerjasama dan keprihatinan semua pihak terutama para pemohon yang belum menerima bantuan amatlah dihargai. Pemohon boleh dianggap tidak berminat untuk meneruskan permohonan bantuan ini sekiranya gagal mengemaskini maklumat akaun pada tempoh yang telah ditetapkan.
6. Berhubung maklumat terkini mengenai Bantuan PEMERKASA+, sebarang pemakluman akan dikemaskini dari masa ke semasa melalui saluran rasmi APAD. Sekian.

TAMAT

Mengenai APAD.

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) adalah salah satu agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang bertanggungjawab dalam mengawal selia dan memantau aspek perlesenan kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan, kenderaan barang dan sistem rel di Semenanjung Malaysia

Pertanyaan Media.

Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Emel: ukk@apad.gov.my